

KPDNHEP, PPM komited tangani isu ketirisan di sempadan

08 Sept 2019, T02:30:01+08:00



KOMITED: Iskandar (dua kiri) dan Yusoff (dua kanan) komited kerjasama strategik KPDNHEP dan PPM akan diperkukuhkan untuk menangani isu ketirisan di sempadan.

TAWAU: Kerjasama strategik Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan Pasukan Polis Marin (PPM) menunjukkan banyak kejayaan menangani isu ketirisan barangan kawalan dan subsidi di sempadan negara direkodkan.

Antaranya, pada 2018 sebanyak 420 kes atau kertas siasatan dibuka mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 membabitkan jumlah rampasan kira-kira RM7.5 juta.

Hasil kerjasama kedua-dua pihak sehingga 7 September tahun ini pula, 367 kertas siasatan sudah dibuka dan melibatkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM19 juta.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, usaha kini giat dijalankan untuk mengatur kolaborasi gerak-kerja strategik yang lebih berkesan.

"Kita mahu memastikan undang-undang dapat dikuatkuasakan bersama, khususnya, saling bantu-membantu menyekat aliran keluar barang-barang subsidi ke luar negara.

"Terutamanya tong gas petroleum cecair (LPG), minyak masak dan tepung gandum," katanya, ketika ditemui selepas Mesyuarat Bilateral KPDNHEP dan PPM di sini, semalam.

Iskandar berkata, hubungan kerjasama itu juga bertujuan mewujudkan keseragaman dan penyelarasan dalam tindakan untuk pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP).

Termasuklah, berkaitan perundangan semasa yang berkuatkuasa, perkongsian kepakaran, maklumat 'risikan', bantuan logistik dan langkah-langkah penguatkuasaan di sempadan.

"Potensi kegiatan penyeludupan barangan kawalan dan subsidi berlaku di kawasan sempadan sangat tinggi kerana wujud perbezaan harga yang ketara," katanya.

Sempena mesyuarat itu, menurutnya, perbincangan berhubung tindakan penguatkuasaan yang dijalankan di seluruh negara seperti Kelantan, Johor dan Sarawak turut diadakan.

Beliau optimis mesyuarat itu akan menghasilkan idea gerakan penguatkuasaan yang lebih tersusun antara KPDNHEP dan PPM serta mengukuhkan hubungan kerjasama mereka.

Komander PPM Malaysia SAC Mohamad Yusoff Mamat berkata, kerjasama erat antara kedua-dua pihak terbabit sudah lama terjalin dan berlangsung dengan baik selama ini.

"Kita sedia membantu semua agensi termasuk KPDNHEP dalam menangani isu berkaitan AKB 1961 untuk menjalankan operasi di laut kerana kita mempunyai aset kapal dan bot.

"Kita komited untuk menjalankan penguatkuasaan di laut demi memastikan barang-barang kawalan dan subsidi tidak bolos melintasi sempadan negara," katanya.

